

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

**SAU317 – Ekologi Manusia dan Masyarakat dalam Era Global**

Masa: [2 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja. Soalan 1 WAJIB dijawab dan pilih SATU (1) lagi soalan.

**Soalan 1**

- (a) Berdasarkan kepada filem ‘Erin Brockovich’, apakah persoalan penting yang cuba diajukan mengenai perhubungan antara manusia dan persekitaran. Bentangkan pandangan anda secara kritikal mengenai cara untuk menyeimbangkan kesan tindakan manusia terhadap persekitaran. (30 markah)
- (b) Berdasarkan kepada Sistem Model Ekologi Manusia, hujahkan bagaimana alam sekitar dan kehidupan manusia dikatakan saling berkaitan dan saling mempengaruhi dengan memberikan contoh kajian-kajian etnografi yang berkaitan. (30 markah)

**Soalan 2**

- (a) Bincangkan dengan terperinci konsep Sistem Model Ekologi Manusia dengan memberikan penjelasan mengenai empat hubungan yang berlaku di dalam sistem ini. (20 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kesedaran ekologi? Berikan pandangan kritis anda mengenai tahap kesedaran ekologi di Malaysia dengan memberikan contoh-contoh kajian kes tertentu. (20 markah)

**Soalan 3**

- (a) Bincangkan konsep Struktur Hierarki Sistem Ekologi dan perjelaskan setiap hierarki-hierarki tersebut. (20 markah)
- (b) Terdapat empat kategori impak tindakan manusia terhadap alam sekitar. Dengan menggunakan kajian-kajian etnografi, bincangkan dengan mendalam kategori-kategori tersebut. (20 markah)

- oo oo oo -